



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI BANJIR DAN RESPONS KKM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa, Bilik Gerakan Banjir CPRC Kebangsaan telah diaktifkan pada 27 November 2024 berikutan berlakunya kejadian banjir yang melanda beberapa buah negeri di Malaysia.

Sehingga jam 8.00 pagi, 1 Disember 2024, sebanyak sembilan (9) negeri telah dilanda banjir iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Perlis, Melaka, dan Selangor. Seramai 150,604 mangsa ditempatkan di 700 Pusat Pemindahan Sementara (PPS), seperti berikut:

Negeri	Bilangan Mangsa	PPS Dibuka
Kelantan	96,778 orang	284 PPS di 10 daerah
Terengganu	41,963 orang	311 PPS di 8 daerah
Kedah	8,125 orang	55 PPS di 7 daerah
Negeri Sembilan	1,925 orang	13 PPS di 3 daerah
Johor	591 orang	14 PPS di 2 daerah

Pahang	450 orang	15 PPS di 1 daerah
Perlis	363 orang	2 PPS di 2 daerah
Melaka	307 orang	5 PPS di 3 daerah
Selangor	102 orang	1 PPS di 1 daerah

Terdapat 81 fasiliti kesihatan terjejas banjir iaitu 49 di Kelantan, 28 di Terengganu, dan empat (4) di Kedah. Daripada jumlah ini, 41 adalah Klinik Desa (KD), 19 Klinik Kesihatan (KK), 11 adalah Klinik Pergigian (KP), empat (4) hospital, lima (5) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), dan satu (1) di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA). Sebanyak 32 fasiliti kesihatan beroperasi, manakala 49 fasiliti kesihatan berpindah perkhidmatan kesihatan ke fasiliti kesihatan alternatif.

Bagi pergerakan pasukan perubatan dan kesihatan di dalam negeri masing-masing, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) yang berkenaan telah membuat mobilisasi seperti berikut:

Negeri	Pasukan Perubatan	Pasukan Kesihatan
Kelantan	70	36
Terengganu	38	39
Kedah	25	12
Negeri Sembilan	18	16
Johor	5	4
Perak	2	2
Perlis	7	8
Melaka	5	8
Selangor	2	8

Sehingga 30 November 2024, seramai 8,889 telah diperiksa dan diberikan rawatan di PPS. Dari jumlah ini, kes penyakit berjangkit yang dilaporkan adalah 1,558 kes *Acute Respiratory Infection* (ARI), 451 kes *Skin Infection*, 48 kes Konjunktivitis, 44 *Acute Gastroenteritis* (AGE), 14 Chicken Pox, dan lima (5) *Hand, Foot and Mouth Disease* (HFMD). Tiada kes COVID-19, Tifoid, dan Leptospirosis serta wabak penyakit berjangkit dilaporkan dalam kalangan mangsa banjir.

Secara kumulatif, aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) telah dijalankan di 66 PPS di Terengganu. Bilangan sesi *Psychological First Aid* (PFA) yang telah dijalankan adalah sebanyak 1,117 sesi untuk orang awam. Aktiviti yang dijalankan terdiri daripada 1,403 sesi Psiko Pendidikan, 902 sesi relaksasi dan 459 ekspresi seni. Tiada mangsa dirujuk ke Pakar Perubatan atau Pegawai Psikologi untuk rawatan selanjutnya.

Sebanyak 20 Pasukan Perubatan Kecemasan dengan 104 anggota kesihatan dari sembilan (9) negeri bersedia untuk dimobilisasi ke Pasir Mas, Pasir Putih, dan Tumpat di Kelantan. 74 orang telah bergerak hari ini manakala 30 orang dijangka bergerak esok. Pasukan dari Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) 'Be Vital' yang terdiri daripada 10 orang pegawai termasuk empat (4) orang doktor juga telah tiba di Kelantan sejak semalam untuk memberikan bantuan.

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah membuat lawatan ke lapangan di Kedah pada hari ini untuk melihat sendiri operasi KKM di lokasi-lokasi yang terkesan, termasuk empat (4) PPS di SJKC Pumpong, SMK Kepala Batas, SK Darulaman dan SMK Tunku Anum Tunku Abdul Rahman.

Di samping itu JKN Kelantan dan JKN Terengganu terus membuat koordinasi dengan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan untuk kerja-kerja di lapangan.

KKM menasihatkan masyarakat untuk sentiasa mengutamakan keselamatan, menjaga kebersihan diri dan makanan, serta mencegah penyakit berjangkit. Sentiasa patuhi arahan pihak berkuasa, pantau maklumat cuaca terkini, dan siapkan kit kecemasan. Jika menghadapi tekanan emosi, individu dinasihatkan untuk dapatkan bantuan segera. Dengan kerjasama semua pihak, kesihatan dan keselamatan semasa musim banjir dapat dipelihara.

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
1 DISEMBER 2024**